

DOMAIN ILMU PENDAKWAH MASYARAKAT ORANG ASLI

Faiz Abdul Rahim ¹
Zulkefli Aini ²

¹ Pensyarah Jabatan Ekonomi dan Pengurusan, Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, faiz.ar@kuis.edu.my

² Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, zulaini@ukm.edu.my.

Accepted date: 2 December 2017

Published date: 28 December 2017

To cite this document:

Abdul Rahim, F, & Aini, Z. (2017). Domain Ilmu Pendakwah Masyarakat Orang Asli. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 2(6), 166 - 183.

Abstrak: Dakwah diertikan menyampaikan kepada manusia iaitu keseluruhan manusia ke arah kebaikan, mengajak kepada ma'aruf serta mencegah kemungkaran. Tugas dakwah kepada masyarakat Orang Asli ditumpukan oleh pendakwah yang ditugaskan khas seperti Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) dan Panel Dakwah Muallaf (PDM). Antara masalah utama yang dihadapi dalam pendakwaan kepada masyarakat Orang Asli di Malaysia semenjak dahulu hingga kini ialah kekurangan pendakwah yang mampu dan berkebolehan dari sudut penyampaian ajaran Islam yang lebih berkesan. Ini menimbulkan persoalan dari satu sudut bagaimanakah tugas seorang pendakwah yang terlibat dengan dakwah masyarakat Orang Asli menyampaikan dakwanya. Oleh itu, kajian ini bertujuan menganalisis domain pendakwah iaitu ilmu sebagai faktor pembinaan pendakwah Orang Asli. Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian kes. Lapan belas orang terdiri daripada pendakwah masyarakat serta warga Orang Asli dipilih untuk ditemu bual. Data disusun dan dikodkan mengikut tema dan kategori hasil dari transkripsi, Kemudian, data dianalisis secara deskriptif. Kajian mendapati bentuk-bentuk ilmu yang perlu ada bagi seorang pendakwah Orang Asli ini adalah ilmu Fardhu 'Ain, Ilmu Fardhu Kifayah dan Ilmu Sosiobudaya Orang Asli. Oleh yang demikian, kajian ini memberi implikasi kepada agensi kerajaan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Agama Islam Negeri-Negeri dan badan bukan kerajaan bagi membangunkan usaha dakwah kepada masyarakat Orang Asli sekali gus meningkatkan kualiti dalam penyampaian agama Islam dengan lebih baik.

Kata Kunci: Pendakwah Masyarakat Orang Asli, Domain Ilmu. Ilmu Fardhu 'Ain, Ilmu fardhu Kifayah, Ilmu Sosiobudaya Masyarakat Orang Asli

DOMAIN KNOWLEDGE PREACHER *ORANG ASLI* COMMUNITY

Abstract: Da'wah is defined as delivering to man that is the whole of man towards goodness, invites to ma'aruf and to prevent this kind of. The task of preaching to the indigenous people community devoted by preachers who are assigned special such as the *Penggerak Masyarakat Orang Asli* (PMOA) and *Panel Dakwah Muallaf* (PDM). Among the major problems faced in religion to the Orang Asli community in Malaysia since first thus far is lack of preachers who are able and capable in terms of presentation of the teachings of Islam which is more effective. This raises questions from a corner how do task a preacher involved with missionary Orang Asli community delivers their preaching. Therefore, this study aims to analyse the domain knowledge as preacher, namely construction factors Orang Asli preachers. This qualitative study using design case studies. Eighteen people consists of missionary community as well as Aboriginal citizens selected to interviewed. The data are sorted and encoded according to themes and categories as a result of transcription, then data analysed descriptively. The study found forms of knowledge necessary for a Native preacher is Fardhu 'Ain, Fardhu Kifayah and Culture of indigenous people. Therefore, this study provides implications to government agencies such as the Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM), Islamic religious Council States and non-governmental organizations for the development of missionary efforts to the Orang Asli community at once.

Key Words: Preacher Orang Asli Community, Fardhu ' Ain, fardhu Kifayah, socio-cultural Society Orang Asli

Pengenalan

Allah S.W.T telah berfirman dalam al-Quran

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ
إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۗ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ^{١٦٥}

Maksudnya:

Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik. sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk

(al-Quran, al-Nahl 16:125)

Mengimbas kembali sejarah mengenai bagaimana dakwah Islam mula tersebar, berkembang dan disampaikan kepada umat manusia di zaman Nabi Musa a.s. Kita dapati bahawa baginda menggunakan cara dan pendekatan dakwah yang bersesuaian dengan cabaran dan situasi yang berlaku pada zaman tersebut. Namun, beralih pada masa kini, dakwah islamiah sedang memasuki era baru peralihan zaman. Umat Islam sedang berada di dalam era yang dikenali sebagai “masyarakat terbuka”.

Selaku pendakwah yang memikul amanah dalam menyebarkan dakwah dan seorang muslim yang perlu berpandangan positif, era peralihan zaman ini harus dijadikan peluang untuk kita meningkatkan usaha untuk menyampaikan ajaran agama Islam kepada seluruh masyarakat termasuk masyarakat Orang Asli.

Tinjauan Literatur

Domain Pendakwah

Menurut Bloom (1956) domain bermaksud kategori. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, beliau telah memperkenalkan tiga domain iaitu kognitif yang dimaksudkan sebagaimana yang ditunjukkan dalam rajah 2.1 kemahiran mental (Pengetahuan), afektif iaitu perkembangan perasaan atau emosi (Sikap) dan psikomotor ialah kemahiran fizikal (Kemahiran). Domain kognitif melibatkan pengetahuan dan pembangunan kemahiran intelek. Ini termasuk mengingat atau mengenali fakta tertentu, corak prosedur, dan konsep yang terkandung dalam perkembangan kebolehan intelek dan kemahiran. Domain psikomotor termasuk pergerakan fizikal, koordinasi, dan penggunaan kemahiran motor. Pembangunan kemahiran ini memerlukan amalan dan diukur dari segi kelajuan, ketepatan, jarak, prosedur, atau teknik-teknik dalam pelaksanaan. Manakala domain afektif adalah termasuk cara seseorang berurusan dengan perkara-perkara emosi, seperti perasaan, nilai, penghargaan, motivasi, dan sikap.

Blomm (1956) memperkenalkan domain ini adalah kerana beliau ingin melihat bagaimanakah tahap proses pengajaran dan pembelajaran dalam aktiviti pendidikan ini berlaku dari perkara mudah iaitu menghafal sehinggalah perkara yang agak sukar iaitu menganalisis serta menilai sesuatu perkara.

Al-Ghazali (1939), menjelaskan perkara domain bagi seorang pendakwah. Menurut beliau, pendakwah mempunyai rasa simpati kepada *mad'u* dan menganggap serta melayani mereka sebagaimana anaknya sendiri. Pendakwah juga sentiasa mengamalkan akhlak dan sunnah Nabi Muhammad s.a.w selain ikhlas dalam pengajaran dan pembelajaran dengan tidak meminta imbuhan kerana perkhidmatannya yang diberikan. Selain itu, pendakwah ialah pendakwah yang cekap dan terlatih dan sangat berpengetahuan tentang sesuatu perkara yang hendak diajarkan atau diberikan nasihat kepada para *mad'u*.

Jika diteliti perkara yang dibincangkan oleh Bloom (1956) dan al-Ghazali (1939) dapat disimpulkan disini bahawa tiga domain ini iaitu ilmu, akhlak yang baik dan kemahiran iaitu persediaan bagi seorang pendakwah. Ketiga-tiga domain ini juga terbentuk dari asasnya yang terdapat di dalam al-Quran surah al-Nahl ayat 125. (al-Bayānūnī 2009).

Domain pertama iaitu ilmu. Al-Bayānūnī (2009) telah menyatakan perkara tersebut pada persiapan bagi seorang pendakwah. Menurut beliau ilmu itu adalah maksud daripada kalimah *al-hikmah* iaitu ilmu-ilmu yang terdapat dalam al-Quran dan juga apa yang terdapat dalam al-Sunnah. Manakala Abdul Karim Zaidan (1993) pula menyatakan bahawa ilmu penting bagi mempersiapkan seorang pendakwah. Ini seperti mana firman Allah S.W.T

فَاعْلَمْ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاسْتَغْفِرْ لِذَنْبِكَ وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مُتَقَلَّبَكُمْ
وَمَثْوَاكُمْ ۝١٩

Maksudnya:

Oleh itu, maka tetapkanlah pengetahuanmu dan keyakinanmu (wahai Muhammad) bahawa sesungguhnya tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, dan mintalah ampun kepadanya.

(Al-Quran, Muḥammad 47:19)

Dalam ayat al-Quran di atas menerangkan bahawa ilmu pengetahuan sangat diperlukan sebelum bertindak (Muhammad Syakir dalam terjemahan Misbah, Ahsan et.al, 2007). Seorang pendakwah haruslah mempunyai pandangan yang luas, mengetahui apa yang disampaikan, baik dari segi perkataan dan perbuatan dan dengan apa yang harus ditinggalkan. Jika pendakwah tidak mempunyai ilmu pengetahuan, pendakwah tersebut dikategorikan sebagai pendakwah yang jahil (al-Bayānūnī 2009)

Konsep Ilmu Pengetahuan Dalam Islam

Ilmu sebenarnya perlu mendahului amal. Amalan dakwah hanya boleh dilakukan dengan ilmu. Buktinya wahyu pertama bermula dengan lafaz 'iqra' (bacalah) (surah al- 'Alaq:1-5). Pendakwah yang berjaya mestilah mempunyai ilmu mencukupi sebagai asas untuk bekalan diri dan ilmu yang mendalam untuk menarik sasaran. Namun tidak semestinya semua pendakwah menjadi faqih seperti para ulama' (Wan Mohd Noor 1991).

Perkataan ilmu yang berasal dari bahasa Arab bermakna "pengetahuan, kepandaian (dalam perkara dunia, akhirat, zahir, batin, dan lain-lain). Dengan itu, orang yang berilmu ialah orang yang berpengetahuan. Sebaliknya orang yang tidak berilmu disebut sebagai jahil. Ibn Manẓur (t.th) menerangkan perkataan ilmu berasal dari kata kerja 'a- li- ma yang bererti tahu, maklum dan juga faham. Perbuatan orang yang memberi tahu atau mengajarkan pengetahuan itu dikatakan 'al- la- ma yang bermaksud memberi tahu, orang yang tahu disebut *mut'allimun*. Manakala orang yang mengajar dipanggil *mu'allim*.

Menurut al-Ghazali (1939), perkataan ilmu dipakai pada zaman generasi Islam yang pertama atau pada zaman sahabat dan Tabi'in untuk pengetahuan tentang Allah S.W.T, tanda-tanda dan perbuatan Allah S.W.T, terhadap hamba dan makhluknya. Perkataan ilmu itu telah dipertegas dengan awalan *al* dan menjadi *al-ilm* yang bermakna pengetahuan tentang Allah S.W.T. Namun, kemudiannya perkataan ilmu itu telah dikhususkan pengertiannya, sehingga yang dikatakan orang berilmu itu ialah mereka yang suka berdebat dengan lawan tentang masalah fiqh dan sebagainya.

Al-Attas (2007) pula mentakrifkan ilmu dengan merujuk kepada Allah S.W.T sebagai asal segala ilmu dan ia merupakan ketibaan makna sesuatu ke dalam diri seseorang. Apabila merujuk kepada diri sebagai pentafsir, ilmu adalah ketibaan diri seseorang kepada makna tentang sesuatu. Melalui pentakrifan ini dapat disimpulkan bahawa Allah S.W.T ialah sebenar sumber ilmu melalui wahyu yang diturunkan kepada Baginda s.a.w iaitu al-Quran.

Menerusi pandangan Awang Yahya (2004) pula, ilmu itu merangkumi erti apa sahaja ilmu yang diketahui di dalam dunia ini yang dipelajari oleh manusia. Semua jenis ilmu itu dalam bahasa Arab yang dinamakan sebagai ilmu. Manakala Wan Mohd Noor (1991), menyatakan bahawa ilmu atau sains dikatakan sebagai pengetahuan yang bersifat abstrak dan konseptual yang menjelaskan (*Explain*) sesuatu gejala menurut hukum sebab dan akibat

Bahagian-bahagian Ilmu Pengetahuan Dalam Islam

Al-Ghazali (1939) telah mengkelaskan ilmu kepada dua bahagian utama iaitu Ilmu *Mu'amalah* an juga ilmu *Mukasyafah*. Ilmu *mu'amalah* bermaksud suatu ilmu yang diperolehi manusia sama ada melalui utusan Allah S.W.T, pembelajaran, pengalaman dan pendengaran. Pada asasnya ilmu *mu'amalah* tiada sebarang perbezaan melainkan menerusi nama-nama khas yang dberikan kepadanya seperti ilmu fardhu 'ain dan ilmu fardhu kifayah oleh para ilmuan Islam. Ilmu *mu'amalah* menurut beliau terbahagi kepada dua bahagian iaitu Ilmu fardhu 'ain dan Ilmu fardhu kifayah.

Ilmu fardhu 'ain secara ringkas dimaksudkan sebagai ilmu tentang asas-asas agama Islam seperti mengucap syahadah, menunaikan sembahyang, mengeluarkan zakat, berpuasa dan menunaikan fardhu haji bagi yang berkemampuan. Ia merupakan suatu ilmu yang wajib dituntut oleh setiap individu Islam kerana menerusi ilmu pengetahuan tersebut individu Islam dapat melaksanakan segala tuntutan yang ditaklifkan sama ada berbentuk iktikad iaitu kepercayaan, melaksanakan perintah dan menjauhi larangannya. Ilmu fardhu 'ain hanya diperolehi menerusi utusan Allah S.W.T iaitu para rasulNya. Seperti mana Hadis Nabi Muhammad s.a.w:

عن عمر رضي الله تعالى عنه أيضا قال : بينما نحن جلوس عند رسول الله صلى الله عليه وآله وسلم ذات يوم إذ طلع علينا رجل شديد بياض الثياب شديد سواد الشعر لا يرى عليه أثر السفر ولا يعرفه منا أحد حتى جلس إلى النبي صلى الله عليه وآله وسلم فأسند ركبتيه إلى ركبتيه ووضع كفيه على فخذيه وقال : يا محمد أخبرني عن الإسلام فقال رسول الله صلى الله عليه وآله وسلم : الإسلام أن تشهد أن لا إله إلا الله وأن محمدا رسول الله وتؤتي الزكاة وتصوم رمضان وتحج البيت إن استطعت إليه سبيلا قال : صدقت فعجبنا له يسأله ويصدقه قال : فأخبرني عن الإيمان قال أن تؤمن بالله وملائكته وكتبه ورسله واليوم الآخر وتؤمن بالقدر خيره وشره قال : صدقت قال : فأخبرني عن الإحسان قال أن تعبد الله كأنك تراه فإن لم تكن تراه فإنه يراك

Maksudnya:

Daripada Saidina Umar r.a beliau berkata: “ketika kami sedang duduk di sisi Rasulullah s.a.w pada suatu hari, tiba-tiba muncul di hadapan kami seorang lelaki yang sangat putih bajunya, sangat hitam rambutnya, tidak kelihatan padanya tanda-tanda perjalanan jauh dan tiada seorang pun di antara kami yang mengenalinya sehingga dia duduk di hadapan Rasulullah s.a.w. Lalu dia merapatkan lututnya ke lutut Rasulullah s.a.w dan meletakkan dua tapak tangannya di atas dua pehanya, lantas dia berkata: “Wahai Muhammad! Ceritakan kepadaku tentang Islam”. Lalu Rasulullah s.a.w menjawab: “Islam itu ialah kamu menyaksikan bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah dan Muhammad adalah pesuruh Allah, kamu mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat dan menunaikan haji jika kamu mampu mengerjakannya”. Lelaki itu berkata: “Benarlah kamu!” Kami merasa hairan terhadapnya, dia bertanya dan dia juga membenarkannya. Lelaki itu berkata lagi. “Ceritakan kepadaku tentang iman”. Baginda s.a.w bersabda: “bahawa kamu beriman dengan Allah, para malaikatNya, kitab-kitabNya, rasul-rasulNya, hari kiamat dan kamu beriman dengan kadar baik dan burukNya”. Lelaki itu berkata: Benarlah kamu!” Dia berkata lagi: “Ceritakan kepadaku tentang ihsan”. Baginda s.a.w menjawab: “Bahawa kamu beribadat kepada Allah seolah-olah kamu melihatNya, jika kamu tidak melihatNya, sesungguhnya Allah melihat kamu. ¹”

Ilmu fardhu kifayah menurut ajaran Islam merupakan suatu ilmu yang perlu dikuasai oleh sebahagian manusia yang mendiami sesebuah kawasan, daerah atau negeri. Hukum mempelajari ilmu fardhu kifayah berubah menjadi fardhu ‘ain apabila tiada seseorang pun di sesebuah kawasan, daerah atau negeri mengetahui tentang sesuatu ilmu seperti ilmu perubatan, pertanian, pembinaan, pengiraan dan sebagainya. Ilmu fardhu kifayah juga dimaksudkan sebagai ilmu yang berhubung kait dengan kehidupan sosial.

Ilmu *mukasyafah* merupakan suatu ilmu yang hanya diperolehi oleh manusia menerusi ilham yang diberikan oleh Allah kepadanya setelah melalui peringkat-peringkat tertentu dalam amalannya. Ilmu ini lebih dikenali dalam kalangan ahli-ahli tasawuf sebagai ilmu ladunni. Berdasarkan kepada klasifikasi ilmu yang diberikan oleh Imam al-Ghazali ilmu fardhu ‘ain merupakan ilmu yang wajib dipelajari oleh setiap individu Islam. Manakala ilmu-ilmu lain adalah berdasarkan kepada sejauh manakah ilmu-ilmu tersebut bermanfaat kepada kehidupan individu ataupun masyarakat di dunia dan di akhirat.

Ibn Khaldun (2006) dan Haron Din, (1985) pula membahagikan ilmu kepada dua bahagian iaitu ilmu Naqliyah (al-Quran dan as-Sunnah) dan ilmu cAqliyah. Ilmu Naqliyah terbahagi kepada dua kategori iaitu ilmu bersumberkan syariat (wahyu) seperti al-Quran dan al-Sunnah. Manakala Ilmu bukan bersumberkan wahyu seperti Ilmu Hadis, Ilmu Usul Fiqh, Ilmu Fiqh, Ilmu Kalam dan Ilmu Tasawuf. Ilmu cAqliyah pula adalah hasil daripada akal dan pemikiran manusia yang berhubung rapat dengan kemajuan dan peradaban manusia. Ilmu Aqliyah terbahagi kepada empat kategori iaitu Ilmu Logik (Mantiq), Ilmu Fizik, Ilmu Metafizik dan Ilmu Pembelajaran.

Wan Mohd Nor (1991) membahagikan ilmu ini kepada dua iaitu pertama ilmu asas atau dikenali sebagai ilmu fardhu yakni ilmu yang wajib diketahui oleh semua orang, sesuai dengan tugas

¹ (Al-Muslim, Sahih Muslim, bab bayanu al-Iman wa al-Islam wa al-Ihsan, hadis nombor 10, 1:87)

dan peranan hidupnya sebagai insan individu dan sebagai ahli masyarakat. dan yang kedua ilmu khusus atau dikenali sebagai fardhu kifayah yang diminati pun harus sentiasa dihubungkan dengan ilmu lain. Pengkelasan hierarki ilmu kepada fardhu ain dan fardhu kifayah tidak boleh disifatkan sebagai satu manifestasi dualisme atau penduaan. Malah kedua-duanya memang tidak boleh dipisahkan. Jika seseorang mempunyai dan mengamalkan ilmu fardhu ain dalam pengertian sebenar dia pasti mempunyai ilmu fardhu kifayah. Oleh itu kedua-dua ilmu ini tidak boleh dipisahkan

Menurut Sidek Baba (2006), terdapat dua bentuk ilmu yang sangat diberi keutamaan dan terbukti mampu menghasilkan kecemerlangan dan tamadun. Ilmu tersebut adalah ilmu mengurus diri dan ilmu mengurus sistem. Ilmu mengurus diri pada dasarnya merujuk kepada ilmu-ilmu asas yang wajib dipelajari oleh semua orang. Hukum mempelajari sesuatu ilmu asas itu menjadi fardhu ain dan ia merupakan tanggungjawab yang wajib dipikul oleh setiap individu. Ia bermula dengan menghayati al-Quran dan ibadat dasar seperti syahadah, solat, puasa, zakat dan lain-lain. Di dalamnya terkandung ilmu untuk mengetahui cara mengamalkan perkara yang wajib. Ilmu mengurus sistem merujuk kepada ilmu Fardhu Kifayah yang merupakan perintah Tuhan dan bersifat mengikat masyarakat Muslim sebagai satu kesatuan untuk mempelajarinya (bukan diwajibkan kepada setiap anggota masyarakat mempelajarinya). Dalam erti kata lain, ilmu mengurus sistem merujuk kepada bidang-bidang ilmu yang diperlukan oleh masyarakat dan wajib dituntut oleh sebahagian mereka untuk mencukupkan keperluan masyarakat.

Mustafa Kamil Ayub (1991) turut membahagikan kepada dua bentuk ilmu dalam Islam. Ilmu tersebut adalah dikenali sebagai ilmu abadi dan juga ilmu yang dicari. Ilmu abadi adalah ilmu al-Quran dan al-Sunnah. Ilmu yang dicari adalah ilmu-ilmu baharu yang perlu dicari yang tidak terdapat di dalam al-Quran seperti ilmu sains.

Persediaan Keilmuan Pendakwah

Menurut al-Qaradawi (2009) seseorang pendakwah perlu memiliki ilmu pengetahuan tertentu iaitu Ilmu pengetahuan Islam, pengetahuan sejarah, pengetahuan bahasa dan kesusasteraan, pengetahuan ilmu kemanusiaan, pengetahuan ilmiah dan pengetahuan tentang realiti. Ilmu pengetahuan Islam dibahagikan kepada ilmu al-Quran, ilmu mengenai al-Sunnah, ilmu Fiqah, ilmu usul fiqah, ilmu akidah dan tasawwuf. Dalam konteks dakwah, ilmu ini merupakan asas dalam persediaan keilmuan pendakwah.

Seseorang yang ingin menjadi pendakwah yang baik harus memiliki pengetahuan sejarah. Ini kerana sejarah adalah catatan tentang manusia dan bukti peristiwa yang berlaku dalam kehidupan manusia. Pengetahuan sejarah perlu bagi pendakwah kerana sejarah akan meluaskan ufuk pengetahuan dan pemikirannya tentang sesuatu umat dan tokoh-tokoh pembaharuan. Di samping itu, sejarah dapat membantu para pendakwah memahami peristiwa yang kini berteraskan pengalaman sejarah yang lalu kerana dalam sejarah terdapat persamaan situasi dan motif. Pendakwah tidak perlu perincian sejarah tersebut. Walau bagaimanapun, cukup sekadar intisari dan peristiwa besar yang tercatat dalam sejarah (al-Qaradawi 2009).

Pendakwah juga memerlukan kepada pengetahuan bahasa dan kesusasteraan agar dapat mengungkapkan mesej dakwah dalam kata-kata yang dapat difahami oleh sasaran. Begitu juga penguasaan terhadap bahasa-bahasa lain seperti Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris (al-Qaradawi 2009). Dalam konteks persediaan keilmuan pendakwah bagi masyarakat Orang Asli ini adalah penguasaan bahasa Orang Asli.

Pendakwah perlu mempelajari dan menguasai ilmu yang berkaitan dengan interaksi sesama manusia dalam konteks kemasyarakatan dan kemanusiaan. Ilmu-ilmu tersebut kepada psikologi, sosiologi, ekonomi, falsafah. Seorang pendakwah belum cukup hanya mengetahui ilmu-ilmu agama, ilmu akhlak dan ilmu kemanusiaan tanpa dilengkapi dengan pengetahuan mengenai tentang realiti dalam erti yang luas seperti kedudukan dunia Islam, idealisme Barat, aliran-aliran politik dunia moden, dialog ketamadunan, perbandingan agama dan tradisi tempatan (al-Qaradawi 2009). Ilmu-ilmu yang diuraikan tadi merupakan ilmu-ilmu asas yang perlu difahami oleh pendakwah agar seruan berkesan kepada orang ramai. .

Dalam konteks persediaan ilmu pendakwah terhadap ilmu, Pendakwah haruslah menguasai ilmu sosio budaya Orang Asli ini supaya Orang Asli mudah menerima kehadiran pendakwah tersebut. Selain itu juga, dengan penguasaan ilmu ini pendakwah dapat membezakan mana yang boleh atau tidak ketika berhadapan dengan Orang Asli. Hal ini kerana, masyarakat Orang Asli ini masih lagi mempercayai dengan ajaran Animisme yang unik ini seperti yang dikatakan oleh Mizan (nd) bahawa Adat resam dan budaya Orang Asli yang unik, adalah yang berkait rapat dengan makhluk-makhluk alam.


Menurut Mustaffa Omar (2009), sosiobudaya tersebut termasuklah berkenaan dengan adat resam dan ritual, pantang larang, makanan, hubungan sosial dan identiti dan simbol. Edward B. Tylor (1971) menyebut bahawa, sosiobudaya adalah bermaksud keseluruhan cara hidup dalam sesebuah masyarakat. Ia merangkumi ilmu pengetahuan, kepercayaan, nilai, moral, kesenian, undang-undang, adat resam dan kemahiran lain yang dipelajari oleh individu sebagai anggota dalam masyarakatnya.

Bagi komuniti Orang Asli pula, Sosio budayanya adalah merangkumi cara perlantikan penghulu, sistem kekeluargaan seperti merisik, perkahwinan, pertunangan, kelahiran anak, kematian dan perkebumian, cara berubat seperti berjampi/tangkal, pantang larang pada hari perayaan, pantang selepas bersalin, alat muzik tradisional yang digunakan dalam majlis sewang dan untuk tujuan hiburan seperti seruling buluh dan gendang, pemakanan, amalan kesihatan dan bahan perubatan tradisional dengan menggunakan akar dan tumbuh-tumbuhan seperti akar tongkat ali dan kacip fatimah, amalan sosial seperti hubungandalam keluarga dan hubungan dengan jiran (Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia, 1998)

Juli Edo (2010) menyatakan masyarakat Orang Asli mengandungi tiga buah rumpun bangsa yang terbentuk daripada 19 buah suku kaum. Setiap suku kaum adalah sebuah entiti etnik yang tersendiri dan kaya dengan budaya masing-masing. Mereka wujud sebagai sebuah masyarakat yang dibendung teguh oleh adat dan nilai yang diwarisi. Umumnya masyarakat Orang Asli memiliki dan mengamalkan pelbagai jenis adat budaya, pantang larang, kepercayaan, amalan kesihatan dan nilai hidup mereka yang unik dan tersendiri. Mereka mempunyai satu nilai hidup yang harmoni antara sesama insan dan alam persekitaran semula jadi mereka (Mee, S. & Ibrahim, Y., 2008).

Secara lahiriahnya banyak aspek kehidupan Orang Asli mempunyai persamaan dengan masyarakat Melayu namun terdapat banyak aspek-aspek lain yang masih kekal disebabkan kepercayaan animisme yang diamalkan (Ali@Zainal Abidin, 2006).

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ١٢٥



RAJAH 1: Kerangka Konsep Bagi Domain Ilmu Pendakwah Orang Asli
Sumber: Diubah suai dari model al-Ghazali (1939), Bloom (1956), Kamarul Azmi (2010), Abdul Karim Zaidan (1987), al-Qaradawi (1996)

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kes. Jenis kajian ini digunakan kerana tajuk kajian ini masih baharu dan belum mendapat perhatian ramai pengkaji (Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. 2015, Creswell & John W. 2007, Othman Lebar. 2014). Justeru itu, skop bidang kajian ini memerlukan kepada penerokaan kepada fenomena berkaitan dan *understanding issue*. Metodologi kajian ini memerlukan pengkaji mengumpulkan data-data yang relevan daripada peserta kajian yang dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu pertama, golongan mad'u iaitu Orang Asli sama ada yang beragama Islam atau tidak. Kedua, Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) dan Panel Dakwah Muallah (PDM) bagi menjawab kepada persoalan dan objektif kajian. Data-data yang diperoleh daripada temu bual mendalam dianalisis oleh pengkaji bagi mendapatkan kefahaman yang jelas serta mencapai objektif kajian yang berkaitan dengan domain pendakwah dalam kalangan Orang Asli. Pengumpulan data diperoleh daripada kaedah temu bual terhadap peserta kajian dan informan kajian. Data-data tersebut akan dikumpulkan serta dianalisis menggunakan kaedah deskriptif bagi menjawab persoalan kajian ini. (Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. 2015, Creswell & John W. 2007, Othman Lebar. 2014).

Dapatan Kajian

Pendakwah Yang Berilmu

Di bahagian ini, perbincangan dianalisis dari sudut pendakwah yang berilmu. Konsep pendakwah yang berilmu ini diambil dari beberapa pandangan sarjana seperti al-Attas (2007), Awang Yahya (2004), Wan Mohd Noor (1991), Al-Bāyanūnī (2010) yang menyatakan bahawa pendakwah yang berjaya mestilah mempunyai ilmu mencukupi sebagai asas untuk bekalan diri dan ilmu yang mendalam untuk menarik sasaran. Daripada maksud ini, dapat disimpulkan bahawa orang yang berilmu mestilah memiliki, menguasai dan memahami ilmu yang ingin disampaikan.

Seorang pendakwah itu harus menguasai sesuatu ilmu jika ingin berdakwah kepada *madu*'nya. Ilmu yang perlu mereka kuasai ialah ilmu Fardhu 'Ain dan Fardhu Kifayah. Perkara ini dilihat melalui kenyataan PK1 dan PK2 seperti:

“Ha apa haa macam kita kena ada yelah ha macam ilmu tu semua penting la semua tu ilmu akhlak apa semua kena ada lah”

(Temu bual PK1, 21 september 2016)

“pendakwah tu ada ilmu agama lah, maksudnya ilmu untuk diri kita sendiri daripada fardhu ainnya, fikrah kita tu, akhlak kita tu, seperti yang dirujuk dalam Islam, mesti ada ilmu kefahaman Islam tu, asas pun mesti ada”

(Temu bual PK2, 20 september 2016)

Selain itu, PK6, PK7, PK10, dan PK13 yang terdiri dalam golongan mad'u iaitu Orang Asli turut menyatakan bahawa mereka inginkan pendakwah yang berilmu.

“Dia ajar anak saya pasal agama lepas tu dia selalu bagi sumbangan. Dia kemas dan baik. Dia baik. Selalu datang rumah bagi barang. Dia suka bergaul. Orang islam dengan bukan islam dia layan sama sahaja. Dia tak pernah cakap besar. Dia baik. Tak pernah buat janji.”

(Temu bual PK6, 21 September 2016)

“ustaz yang mengajar tentang Islam. Ustaz itu mengajar cara untuk solat, mengaji dan memberi sumbangan. Sebab nak ilmu. Ustaz itu baik, mengajar dengan baik. Saya suka yang baik.”

(Temu bual PK7, 21 September 2016)

“Apa yang saya faham tentang ustaz ini, mereka yang mengajar kami tentang agama Islam, buat kelas dan sebagainya.”

(Temu bual PK10, 21 September 2016)

“sebab dia ustaz banyak ilmu, jadi saya mahu tahu belajar dari dia”

(Temu Bual PK13, 21 September 2016)

Daripada kenyataan PK-PK di atas, bentuk ilmu yang perlu dikuasai oleh pendakwah ialah ilmu tentang agama iaitu ilmu Fardhu ‘Ain dan juga ilmu Fardhu Kifayah seperti yang dinyatakan oleh PK2. Selain itu juga, PK6 menyatakan pendakwah itu mengajar agama, manakala PK7 menyatakan pendakwah yang hadir kepada mereka mengajar solat. Ini menunjukkan solat itu adalah sebahagian daripada ilmu Fardhu ‘Ain. Begitu juga dengan PK 10 menyatakan bahawa pendakwah ini adalah orang mengajar tentang agama Islam.

Pendakwah yang berilmu juga harus mengetahui bagaimanakah menyampaikan ilmu tersebut. Kenyataan ini dapat dilihat melalui PK 8 dan PK10 seperti berikut:

“Dia ajar macam mana mahu ambik air sembahyang, ajar cara-cara nak sembahyang. Semua la dia ajar pasal sembahyang.”

(Temu bual PK8, 21 September 2016)

“Ada juga ustaz itu mengajar kami tentang perkara-perkara itu. Ustaz itu mengajar kami bagaimana nak solat, puasa sebulan pada bulan puasa dan puasa-puasa sunat. Solat sunat terawih ada tapi bila ustaz ada sahaja. Bila ustaz tidak ada, solat sunat terawih tidak dilakukan, Tentang syahadah pun ada die terangkan kepada kami semasa mula-mula kami masuk islam dahulu.”

(Temu bual PK10, 21 September 2016)

Daripada jawapan temu bual PK8 dan PK10 menunjukkan bahawa pendakwah harus juga tahu cara menyampaikan sesuatu ilmu itu dengan jelas sama ada bersifat teoretikal atau pun praktikal supaya proses pembelajaran itu berjalan dengan lancar. Kaedah tunjuk cara ini adalah memenuhi pendekatan yang digunakan oleh Nabi Muhammad s.a.w sebagai mana hadis Baginda s.a.w berikut:

صَلُّوا كَمَا رَأَيْتُمُونِي أُصَلِّي

Maksudnya:

Solatlah seperti mana kamu melihat aku solat.²

Ini bertepatan apa yang telah dinyatakan oleh Abdul Karim Zaidan (1993) bahawa terdapat empat perkara penting berkaitan dengan persediaan pendakwah. Persediaan tersebut merangkumi penguasaan ilmu pengetahuan, iman yang kuat serta hubungan manusia dengan Allah S.W.T dan juga manusia, serta berakhlak mulia seperti benar, sabar, berkasih sayang, rendah diri, bergaul dengan masyarakat serta mengasingkan diri jika perlu.

Perkara ini turut dinyatakan oleh Ahmad Ghalwusy (1978) ketika membincangkan tentang persediaan dakwah ini menggariskan beberapa perkara. Antaranya ialah pendakwah itu mempunyai hubungan dengan Allah S.W.T. Pendakwah tersebut juga haruslah memiliki sifat kemanusiaan, kasih sayang, lemah lembut, pemaaf serta rendah diri. Selain itu juga, pendakwah tersebut haruslah memiliki sifat yang boleh mempengaruhi orang lain yang boleh ditafsirkan sebagai kemahiran. Terakhir, ialah memiliki ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan disiplin dakwah itu sendiri. Manakala Faizaz et.al (2011) menyatakan pelaksanaan kerja-kerja dakwah memerlukan persediaan yang lengkap sama ada fizikal dan mental untuk memastikan keberkesannya di kalangan sasaran. S.W.T.

DOMAIN PENDAKWAH IAITU ILMU FAKTOR PEMBINAAN PENDAKWAH ORANG ASLI

Dapatan kajian menunjukkan terdapat tiga bentuk ilmu. Bentuk ilmu tersebut adalah ilmu Fardhu 'Ain, ilmu Fardhu Kifayah dan ilmu sosio-budaya orang Asli. Ini dapat dilihat melalui kenyataan PK 1, PK2, PK4 dan juga PK5 sebagai mana berikut:

“pendakwah itu harus tahu basic agama yang kukuh iaitu rukun Islam dan juga rukun Iman. tetapi yang membezakan kita pendakwah untuk Orang Asli kena tahu adat budaya mereka”

(Temu Bual PK1, 21 September 2016)

“pasal agama yang asas kena tau...dalam masa sama kena tau pasal orang asli”

(Temu Bual PK2, 22 September 2016)

“nak kena ajar pasal syahadah, solat semua yang asas tentang agama, kita kena tahu juga pasal budaya mereka”

(Temu Bual PK4, 25 September 2016)

“untuk menjadi pendakwah Orang Asli ini, mereka juga haruslah tahu apa itu adat budaya, pantang larang, kepercayaan, amalan kesihatan dan nilai hidup mereka”

(Temu Bual PK5, 4 Januari 2017)

Berdasarkan maklum balas daripada PK, kajian mendapati mereka menyatakan bahawa pendakwah perlu memiliki dan menguasai ilmu yang menjadi asas kepada kefahaman dalam Islam iaitu ilmu Fardhu 'Ain dan ilmu Fardhu Kifayah. Disamping itu juga pendakwah juga harus menguasai ilmu yang berkaitan dengan Orang Asli yang dikenali sebagai ilmu sosio

² Ibnu Hibban. Sahih ibnu hibban, bab al-azan, juzuk 4:51

budaya Orang Asli. Perkara ini selari dengan pandangan al-Qaradawi (2009) yang menyatakan ilmu dalam Islam itu apa yang terdapat di dalam al-Quran. Namun begitu al-Qaradawi menyatakan bahawa untuk menjadi seorang pendakwah, maka ilmu-ilmu berkaitan dengan psikologi, sosiologi, ekonomi, falsafah, sains dan akhlak amat diperlukan bagi memantapkan keperibadian pendakwah (2009).

a. Ilmu Fardhu Ain

Dalam bahagian ilmu fardhu ain, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat dua bentuk ilmu yang perlu ada dalam diri seorang pendakwah iaitu perkara-perkara dalam rukun Islam dan juga rukun Iman. Dalam konteks masyarakat Orang Asli, dua perkara ini iaitu rukun Islam dan juga rukun Iman harus diberi keutamaan yang lebih. Ini kerana Ramlee (2012) menyatakan bahawa tahap kefahaman ilmu Fardhu 'Ain iaitu dari segi rukun Islam dan juga rukun Iman sangat lemah

Al-Ghazali (t.th) menyatakan Ilmu fardhu 'ain secara ringkas dimaksudkan sebagai ilmu tentang asas-asas agama Islam seperti mengucapkan syahadah, menunaikan sembahyang, mengeluarkan zakat, berpuasa dan menunaikan fardhu haji bagi yang berkemampuan. Ia merupakan suatu ilmu yang wajib dituntut oleh setiap individu Islam kerana menerusi ilmu pengetahuan tersebut individu Islam dapat melaksanakan segala tuntutan yang ditaklifkan sama ada berbentuk iktikad iaitu kepercayaan, melaksanakan perintah dan menjauhi larangannya.

Perkara ini telah dinyatakan oleh PK2 yang mengatakan ilmu Fardhu 'Ain itu ialah solat, puasa, zakat. Ini dapat dilihat melalui kenyataan di bawah ini.

“Dengan ilmu-ilmu seperti ilmu agamanye, daripada ilmu kemasyarakatan die, maksudnye budaye die, adat resam die, pantang larang die, die mesti tahu jugak supaye kite boleh relate dengan agama Islam itu dengan pantang larang dia. Kite tanamkan apekah kewajipan kite sebagai Islam, solat, puase, zakat, ibadah-ibadah lain yang agak sukar untuk diorang buat sebab tak pernah buat selame ni”

(Temu Bual PK2, 22 September 2016)

PK3 menyatakan bahawa Fardhu 'Ain itu adalah rukun Iman dan rukun Islam. Ini dapat dilihat daripada hasil temubual seperti berikut..

“Sehinggakan rukun Islam rukun iman pun kita sentiasa mengajar”.

(Temu Bual PK3, 23 September 2016)

Disamping itu, PK4 memberi kenyataan bahawa ilmu Fardhu 'Ain itu ialah syahadah, solat dan berkaitan dengan konsep ketuhanan yang terdapat di dalam Rukun Iman. Kenyataan ini dapat dilihat dari maklumbalas oleh PK4.

“bab tauhid, tu yang pertama, syahadah, berkaitan dengan tuhan, nak terapkan pada diorang, Kedua, yang paling saya tekankan bab tahara, Solat, bab-bab tadilah, tauhid, sebelum solat tu bersihkan diri, taharah, lepas tu solat. Sampingan tu, barulah Iqra”.

(Temu Bual PK4, 25 September 2016)

Ini jelas menunjukkan dapatan kajian yang menyatakan bahawa dua bentuk ilmu yang perlu ada bagi seorang pendakwah masyarakat Orang Asli ialah Fardhu 'Ain iaitu rukun Iman dan juga rukun Islam. Wan Mohd Nor (1991) menyatakan Ilmu asas bermaksud ilmu fardhu ain

yakni ilmu yang wajib diketahui oleh semua orang, sesuai dengan tugas dan peranan hidupnya sebagai insan individu dan sebagai ahli masyarakat.

Dua bentuk ini sesuai dengan masyarakat Orang Asli. Ini kerana Ramlee (2012) menyatakan bahawa tahap kefahaman ilmu Fardhu 'Ain iaitu dari segi rukun Islam dan juga rukun Iman sangat lemah Bagi pandangan Sidek Baba (2006) pula, Fardhu 'Ain ini dikenali sebagai ilmu mengurus diri yang pada dasarnya merujuk kepada ilmu-ilmu asas yang wajib dipelajari oleh semua orang. Rukun Iman dan juga rukun Islam adalah asas kepada pembentukan Muslim yang baik. Dalam konteks masyarakat Orang Asli, rukun Iman dan juga rukun Islam adalah perkara yang paling asas yang perlu diterapkan untuk menjadi Muslim yang baik.

b. Ilmu Fardhu Kifayah

Bentuk yang kedua ialah Fardhu Kifayah. Kajian mendapati bahawa fardhu kifayah adalah perkara yang berkaitan dengan kehidupan seharian Orang Asli. Dalam konteks kefahaman yang dikemukakan oleh Sidek Baba (2006) fardhu Kifayah disebut sebagai ilmu mengurus sistem. Dalam konteks masyarakat Orang Asli, sistem mereka adalah sistem kehidupan berkampung yang menerapkan nilai kemasyarakatan (Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia, 1998).

Perkara ini boleh dilihat melalui keterangan yang telah diberikan oleh PK2 sehingga PK4. PK2 menyatakan:

“kalau saya ajar saya tekankan bab bersuci, solat, itu yang wajib-wajiblah, yang mesti ditunaikan oleh seorang muslim. Satu hari tu memang kita mengajar bab kebersihan dalam Islam, itu sahaja, yang mudah-mudah. Islam memang menitik beratkan tentang kebersihan”.

(Temu Bual PK2, 22 September 2016)

PK4 menjelaskan:

“Kedua, yang paling saya tekankan bab taharah”.

(Temu Bual PK4, 25 September 2016)

PK 2 Menyatakan bahawa ketika ingin mengajar tentang Islam, beliau akan lebih menekankan bab bersuci. Ini kerana pada pandangan PK 2 ialah Islam itu menitik beratkan tentang kebersihan dan kebersihan itu adalah salah satu nilai kemasyarakatan yang erdapat di dalam sistem kehidupan berkampung yang diamalkan oleh Orang Asli. Begitu juga dengan PK 4 yang menyatakan bahawa beliau juga menekankan bab bersuci.

Secara kesimpulannya, di dalam bahagain Fardhu Kifayah ini, seorang pendakwah mestilah menerapkan tentang ilmu-ilmu yang mengurus diri iaitu bab taharah, jual beli. Selari dengan apa yang dinyatakan oleh Sidek Baba (2006) yang mendefinisikan ilmu Fardhu Kifayah yang merupakan perintah Tuhan dan bersifat mengikat masyarakat Muslim sebagai satu kesatuan untuk mempelajarinya (bukan diwajibkan kepada setiap anggota masyarakat mempelajarinya).

Dalam erti kata lain, ilmu mengurus sistem merujuk kepada bidang-bidang ilmu yang diperlukan oleh masyarakat dan wajib dituntut oleh sebahagian mereka untuk mencukupkan keperluan masyarakat. Dalam konteks masyarakat Orang Asli sistem yang mereka gunakan adalah sistem kehidupan berkampung yang mempunyai nilai kemasyarakatan.

c. Ilmu Sosiobudaya Orang Asli

Dapatan kajian ini tentang ilmu Sosiobudaya Orang Asli adalah seperti berikut. Ini dapat dilihat melalui kenyataan PK4 dan PK5:

“untuk menjadi pendakwah Orang Asli ini, mereka juga haruslah tahu apa itu adat budaya, pantang larang, kepercayaan, amalan kesihatan dan nilai hidup mereka,”

(Temu Bual PK5, 4 Januari 2017).

“mesti kena faham adat istiadat aaa pantang larang dia adat istiadat pantang larang diaaaa aaa budaya diaa aaa kalau kita dapat memahami sedikit bahasa mereka itu kelebihan aaa jadi satu dua patah perkataan ke sebab mereka ni akan suka akan seronok bila ada orang tu tahu bahasa merekaa uuuu pandailah awak cakap bahasa kita aaa itu salah satu kelebihan pada seorang pendakwah tu kemahiran komunikasi penting

(Temu Bual PK4, 25 September 2016)

“pasal agama yang asas kena tau...dalam masa sama kena tau pasal Orang Asli”

(Temu Bual PK2, 22 September 2016)

Melalui kenyataan pada PK2, beliau menyatakan untuk memudahkan penyampaian ilmu itu seorang pendakwah harus mengetahui keadaan Orang Asli. Maksud keadaan Orang Asli yang dinyatakan oleh PK2 itu adalah seperti yang dinyatakan oleh PK4 serta PK5 iaitu adat budaya, pantang larang, kepercayaan, amalan kesihatan dan nilai hidup mereka. Elemen tersebut merupakan ciri-ciri sosiobudaya sebagai mana yang dinyatakan oleh Julie Edo (2010) dan Mustafa Omar (2009).Ini menunjukkan bahawa, untuk menjadi pendakwah Orang Asli ini perlulah memahami serta mempelajari ilmu sosiobudaya Orang Asli ini. Tujuan utama ilmu ini adalah untuk memudahkan cara penyampaian ilmu-ilmu fardhu ‘Ain dan juga Fardhu Kifayah sesuai dengan keadaan budaya sesuatu kumpulan tersebut. Perkara ini dinyatakan oleh Mahmood Zuhdi (2006) bahawa mengambil kira budaya masyarakat adalah salah satu metode dalam pelaksanaan ajaran Islam secara rasional. Sehubungan itu, hukum Islam menghormati budaya dan kelaziman hidup sesuatu masyarakat. Malah, Islam menerimanya sebagai salah satu sumber hukum dengan syarat ia tidak bertentangan dengan nas syarak.

Al-Qaradawi (2009) menambah sedikit tentang bahawa untuk menjadi seorang pendakwah, maka ilmu-ilmu berkaitan dengan psikologi, sosiologi, ekonomi, falsafah, sains dan akhlak amat diperlukan bagi memantapkan keperibadian pendakwah. Perkara ini juga seiring dengan apa yang dibincangkan oleh Samovar dan Potter (t.th) dalam Tina Kartina (2013) iaitu jika seseorang itu sudah mengetahui tentang sesuatu budaya maka mudahlah untuk kita berkominikasi dengan baik bagi menyampaikan sesuatu perkara.

Kesimpulan

Dapatan kajian berkaitan dengan ilmu ini adalah menunjukkan bahawa terdapat tiga bentuk ilmu yang perlu ada bagi seorang pendakwah ini. Tiga bentuk tersebut adalah ilmu Fardhu 'Ain, fardhu Kifayah dan juga ilmu Sosio budaya masyarakat Orang Asli. Ketiga bentuk ilmu ini disebut oleh kesemua peserta kajian yang menunjukkan mereka inginkan ilmu-ilmu tersebut dari pendakwah tersebut.

Ilmu Fardhu 'Ain itu adalah berkaitan dengan Rukun Islam iaitu mengucap dua kalimah syahadah, solat lima waktu, berpuasa di bulan Ramadhan, menunaikan zakat serta melakukan haji. Bentuk yang kedua adalah hal-hal berkaitan dengan rukun Iman iaitu percaya kepada Allah, percaya kepada malaikat, percaya kepada rasul, percaya kepada kitab, percaya kepada hari kiamat serta percaya Qada' dan juga Ilmu ini juga dikenali sebagai ilmu mengurus diri seperti yang dinyatakan oleh Sidek Baba (2006) dimana ilmu ini pada dasarnya merujuk kepada ilmu-ilmu asas yang wajib dipelajari oleh semua orang.

Bagi Ilmu fardhu Kifayah pula adalah berkaitan dengan pengajian al-Quran, kebersihan dalam Islam serta pengurusan jenazah. Sidek Baba (2006) menyatakan ilmu Fardhu Kifayah ini juga dikenali sebagai ilmu mengurus sistem. Ilmu mengurus sistem merujuk kepada ilmu Fardhu Kifayah yang merupakan perintah Tuhan dan bersifat mengikat masyarakat Muslim sebagai satu kesatuan untuk mempelajarinya.

Manakala ilmu sosiobudaya Orang Asli pula adalah hal-hal berkaitan dengan adat istiadat serta pantang larang Orang Asli, bahasa Orang Asli, lembaga adat dan peralatan adat Orang Asli, adat perkahwinan dan penceraian, adat mengandung dan bersalin, adat kematian dan pengebumian, dan juga adat tanah. Tujuan utama ilmu ini perlu dikuasai oleh pendakwah adalah untuk memudahkan proses dakwah Islam itu berjalan dengan lancar sesuai dengan keadaan masyarakat Orang Asli ini. Ini seiring dengan apa yang telah dinyatakan oleh al-Qaradawi (2009) yang menyatakan diantara persediaan keilmuan yang perlu ada bagi seorang pendakwah adalah penguasaan ilmu sosibudaya.

Rujukan

- Al-Quran Tafsir Pimpinan ar-Rahman. Terj. Sheikh Abdullah Basmeih. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Abu Ja'far Muhammad Jarir Ath-Thabari. 2009. Tafsir Ath-Thabari. Jilid 16. Terj. Misbah, Ahsan, Askan, Khairul Anam, dan Akhmad Affandi. Jakarta: Pustaka Azzam.
- Ahmad A'toa` Bin Mokhtar, Muhammad Choirin, Zikmal Fuad Muhammad, Ahmad Fauzi Mohd Shahar. 2014. Fikrah Dakwah Shaykh Muhammad Al-Ghazali: Tumpuan Dalam Kitab Fô Mawkib Al-Da'wah Dan Ma'a Allôh; Dirósót Fô Al-Da'wah Wa Al-Du'ót. International Research Management and Innovation Conference 2014 (IRMIC2014) KL, 17 – 18 November 2014
- Abdul Karim Zaidan. 1976. Uşûl al-Da'wah, ed3. Beyrut: Mu'sasah al-Risalah
- Abdul Majid bin Omar. 2007. "Pengenalan Dakwah". Kursus pendekatan dakwah kontemporari. Bangi: ILIM.
- Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. 2015. Memahami Kuantitatif & Kualitatif dalam Penyelidikan Pengajian Islam. Bangi: Penerbit UKM
- Al- Bāyanūnī , Muhammad Abū Fath. 2010. al-Madkhal ilā cilm al-Dacwah. Lubnan: Al-Risalah al-'alamiah LTD.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhamed bin Muhammad. 1939. Ihya' Ulum al-Din. Juz. 1. Misr: Matbaca mustafa al-Bab al-Halabi.
- Ali@Zainalabidin Syed Mohamed. 2006. Impak Perwartaan Taman Negara Endau Rompin Dan Penswastaan Rancangan Pengumpulan Semula Terhadap Masyarakat Jakun Di Bekok, Johor. Projek Penyelidikan. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Qaradawi, Y. 1996. Keutamaan Ilmu dan Kemuliaan Para Ulama menurut al-Quran dan al-Hadis. (terj. M. Junaid al-Hashimi). Johor Bharu: Perniagaan Jahabersa.
- Al-Qaradawi, Y. 2009. Thaqafah al-Da'iyah. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Awang Yahya Ibrahim. 2004. Ilmu Pengetahuan dan Tujuan Pendidikan Mengikut Pandangan Islam. Brunei: Pusat Dakwah Islamiah Kementerian Hal Ehwal Ugama.
- Creswell & John W. 2007. Qualitative Inquiry & Research Design, Choosing Among Five Approaches. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Creswell, J.W. 1998. Qualitative Inquiry and Reserch design, Choosing among five traditions. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Haslina Ibrahim. 2008. Wanita: Hala Tuju Dan Cabaran Dalam Dakwah. penyelidikan yang dibiayai oleh Jabatan Mufti Negeri Sembilan bagi mengkaji fenomena murtad dan kefahaman remaja terhadap isu murtad di Seremban Negeri Sembilan pada tahun 2008.
- Juli Edo. 2010. Adat Dan Nilai Masyarakat Orang Asli. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Juli Edo. 2010. The Semai's response to missionary work: From resistance to compliance. Anthropological Notebooks 17 (3): 5-27.
- Mee. S. & Ibrahim, Y. 2008. Pemandangan dan Penempatan Semula Komuniti Orang Asli. Disunting oleh Yahaya Ibrahim. dlm. Redzuan, M. & Gill, S. (Ed). Orang Asli: Isu, Trasformasi dan Cabaran. Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mustaffa Omar. 2006. Pembangunan dan Impak Demografi Ke Atas Komuniti Jakun. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia
- Othman Lebar . 2014. Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode. Malaysia: Universiti Pendidikan Sultan Indris
- Syed Abdurahman Syed Hussin. 2010. Dakwah kepada Orang Asli di Malaysia: Permasalahan dan Halangan. Jurnal Usuluddin. September: hlm. 155-179.

- Wan Mohd Nor Wan Daud. 1991. *Penjelasan Budaya Ilmu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Sdn. Bhd.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 1994. *Konsep Ilmu Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Sdn